BIMA

lwn.

MALAYAN BANKING BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABU MANSOR ALI H
[GUAMAN SIVIL NO. D5-22-1920 TAHUN 1990]
5 SEPTEMBER 1991

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan diatas keputusan Penolong Kanan Pendaftar - Membatalkan writ dan penyata tuntutan - Samada Mahkamah cuma akan membatalkan apa-apa writ atau tuntutan apabila perkaranya atau sebabnya terang atau tuntutan itu tidak boleh dijalankan - Samada Mahkamah berhak dibawah inherent jurisdiction - Menyekat (shut out) Perayu daripada menuntut - Aturan 18 k. 19, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.*

Ini ialah rayuan terhadap keputusan Mahkamah pada 24 Julai 1991 membenarkan rayuan perayu yang merayu diatas keputusan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi membatalkan writ saman dan penyata tuntutan plaintif dibawah Aturan 18 kaedah 19, Kaedah- kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Hakim Yang Arif telah memerhatikan bahawa autoriti - autoriti di dalam negeri ini adalah tetap (settled) iaitu Mahkamah cuma akan membatalkan apa-apa writ atau tuntutan apabila perkaranya atau sebabnya terang atau tuntutan itu tidak boleh dijalankan (the claim is patently bad). HakimYang Arif juga meminta peguam bagi pihak responden/defendan menyatakan bagaimana beliau boleh mendapatkan perintah membatalkan writ saman dan penyata tuntutan dengan begitu senang.

Diputuskan:
[1] Secara ringkas inti tuntutan perayu/plaintif ialah gantirugi yang berbangkit daripada perbuatan responden membuat bayaran daripada akaun semasa perayu sungguhpun perayu telah memberitahu responden syarat-syarat jaminan bank tidak dipenuhi.

[2] Oleh sebab campurtangan responden akaun semasa perayu telah berada dalam “debit” mengakibatkan perayu tidak dapat menggunakan akaun semasanya.

[3] Mahkamah mengambil keputusan bahawa perayu ada tuntutan terhadap responden (tertakluk kepada terbuktinya tuntutan itu) dan dibawah inherent jurisdiction Mahkamah tidak nampak mengapa perayu hendak disekat (shut out) daripada menuntut.

[Rayuan dibenarkan dengan kos.]

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19(1)(a), (b), (c), (d)

Bagi pihak plaintif/perayu - V. Rajadevan; T/n. Malek & Devan
Bagi pihak defendan/responden - S.M. Yoong; T/n. Shook Lin & Bok

PENGHAKIMAN

Abu Mansor Ali H:

Ini adalah rayuan terhadap keputusan Mahkamah ini pada 24 Julai 1991 membenarkan rayuan perayu yang merayu diatas keputusan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi membatalkan writ of summons dan penyata tuntutan plaintif dibawah Aturan 18 Kaedah 19, Kaedah - kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Sepatutnya peguam bagi pihak perayu memulakan rayuan ini tetapi memandang autoriti-autoriti di dalam negeri ini adalah tetap (settled) iaitu Mahkamah cuma akan membatalkan apa-apa writ atau tuntutan apabila perkaranya atau sebabnya terang atau tuntutan itu tidak boleh dijalankan (the claim is patently bad).

Saya pun meminta peguam bagi pihak responden/defendan menyatakan bagaimana beliau boleh mendapatkan perintah membatalkan writ of summons dan penyata tuntutan dengan begitu senang.

Peguam responden menyatakan permohonan beliau dihadapan Penolong Kanan Pendaftar adalah dibawah Aturan 18 Kaedah 19(1)(a), (b), (c) dan (d). Mahkamah telah menyatakan jika permohonan dibawah Aturan 18 Kaedah 19(1)(a) - tidak mendedahkan apa - apa kausa tindakan atau pembelaan yang munasabah mengikut mana-mana yang berkenaan, menurut undang - undang dan amalan tidak ada apa - apa afidavit boleh dipakai.

Peguam seterusnya menyatakan permohonan beliau adalah dibawah Aturan 18 Kaedah 19(1)(b), (c) dan (d) (tidak termasuk (a)) dan dibawah inherent jurisdiction of the Court. Oleh itu akan menggunakan afidavit.

Secara ringkas peguam responden menyatakan writ dan penyata tuntutan telah dibatalkan atas alasan tidak ada hubungan (relationship) diantara permohonan (prayers) perayu dengan plidings dalam penyata tuntutan. Didalam prayers perenggan 13(a) yang dipohon gantirugi khas sebanyak RM1,843,603.70 tetapi prayer (a) ini tidak ada diberi butiran ataupun dirujuk didalam penyata tuntutan.

Peguam bagi pihak perayu pula menghujah apa yang dikatakan oleh peguam responden adalah tidak tepat bila beliau mengatakan tidak ada disebut langsung diatas gantirugi khas yang dipohon. Peguam merujuk Mahkamah kepada perenggan 11 penyata tuntutan memberi butir - butir:

(a) Tindakan ini berbangkit diatas perbuatan responden/defendan - khususnya perbuatan (act) defendan campurtangan dalam akaun semasa perayu/plaintif.

(b) Plaintiff adalah suatu firma perniagaan mengimport daging halal ke negeri ini.

(c) Untuk memudahkan perayu/plaintif menjalankan perniagaan responden (Mayban) memberi kemudahan kewangan dalam bentuk bank guarantee (ekshibit “MBB - 1” dalam lampiran 4) - yang berbunyi “In consideration of agreeing to supply... to Bima we guarantee RM100,000.

(d) Tuntutan perayu ialah bahawa responden setelah dimaklumkan oleh perayu supaya menyempurnakan/ menepati syarat - syarat dalam jaminan bank (“MBB - 1”) tetapi responden tidak menghiraukan dan telah lalai atau gagal dan pada 27 November 1984 mengeluarkan daripada akaun semasa perayu RM100,000 (perenggan 6 dan 7 penyata tuntutan). Pengeluaran ini adalah 3 hari sebelum tempuh tamatnya jaminan tersebut (tamat 30 November 1984).

(e) Pada 6 Disember 1984 apabila responden menyedari kesilapan ini mereka telah mengkreditkan perayu (ekshibit "F-1" dan "F-2" lampiran 7 daripada penyata akaun bank).

Secara ringkas inti tuntutan perayu/plaintif ialah gantirugi yang berbangkit daripada perbuatan responden membuat bayaran daripada akaun semasa perayu sungguhpun perayu telah memberitahu responden syarat - syarat jaminan bank tidak dipenuhi.

Oleh sebab campurtangan responden akaun semasa responden telah berada dalam 'debit' mengakibatkan perayu tidak dapat menggunakan akaun semasanya. Perayu telah kehilangan keuntungan (tertakluk kepada terbuktinya fakta itu) mengikut perenggan 11 penyata sebanyak RM25,966.29 diantara bulan Disember 1984 hingga tarikh tuntutan difailkan 26 November 1990 - RM1,843,603.70. Perayu juga menuntut gantirugi am.

Saya mengambil keputusan bahawa perayu ada tuntutan terhadap responden (tertakluk kepada terbuktinya tuntutan itu) dan dibawah ini dan dibawah inherent jurisdiction saya tidak nampak mengapa perayu hendak disekat (shut out) daripada menuntut. Saya benarkan rayuan ini dengan kos.

Also found at [1992] 2 CLJ 982